

# EAEG: Malaysia teruskan usaha



BM 28 SEP 1991

Daripada HANIFF RADI

NEW YORK, Jumaat — Malaysia dan Asean akan meneruskan usaha membentuk Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) walaupun Amerika Syarikat atau negara lain menentang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sebagai negara dan bangsa di rantau ini, Malaysia dan Asean berhak bergabung dengan sesiapa saja yang diinginkan.

"Jika Barat benar-benar memperjuangkan hak asasi manusia, mereka tidak akan menghalang hak kita untuk maju ke tahap yang sama dengan orang Eropah.

"Jika kita ditegah, sementara orang Eropah Timur dibantu untuk mencapai taraf maju, kita boleh merumuskan bahawa warna kulit dan bangsa masih mempengaruhi pemikliran Barat," katanya di majlis makan tengah hari anjuran Majlis Hubungan Luar di sini, hari ini.

Beliau berkata, Amerika menentang EAEG dan mengenakan tekanan terhadap beberapa negara termasuk anggota Asean.

Naib Presiden, Dan Quayle, kata Datuk Seri Dr Mahathir, pernah dilaporkan berkata bahawa tidak harus ada kumpulan di rantau Asia Pasifik tanpa penyertaan Amerika.

"Anehnya, Amerika boleh menjadi anggota Nafta dan mana-mana kumpulan pasifik, tetapi negara Asia Timur tidak langsung boleh bercakap sesama sendiri," katanya.

Menurutnya, Amerika bimbang Jepun akan menyertai EAEG kerana khawatir negara itu akan menguasai ekonomi dan politik Asia Timur.

Saya fikir, kata Perdana Menteri, negara-negara Asia Timur sudah cukup matang untuk memiklirkan apa yang baik dan buruk untuk mereka.

Pendirian Amerika itu membayangkan keinginannya untuk mengamalkan sikap penindasan dan penjajahan ke atas Asia Timur, katanya.

"Kita menganggap Amerika Syarikat buah negara sahabat, tetapi dominasi sasha lebih buruk daripada cengkaman musuh," katanya.

Beliau berkata, jika Asia Timur tidak gentar dengan Jepun, mengapa pula Amerika bimbang kerana Amerika adalah sebuah negara besar yang amat berkuasa.

Nyatalah, katanya, pendirian Amerika itu menunjukkan niatnya untuk menghalang negara Asia mencapai tahap negara maju dengan mewujudkan sebuah gabungan.

Perdana Menteri berkata, Asean perlu meluaskan rangkaian negara-negara sahabat jika ia tidak boleh menambah keanggotaan dan negara-negara Asia yang maju seperti Taiwan, China, Hong Kong, Korea dan Jepun boleh membantu.

"Negara-negara ini bergantung pada perdagangan dunia dan pasaran bebas adalah sesuatu yang boleh menguntungkan mereka,"

## Pasaran Asia Timur boleh bantu EAEG

BM 28 SEP 1991

DARI MUKA 1

suara mereka digabung dengan Asean. EAEG akan menjadi landasan kepada semua ini dan gabungan suara seperti itu akan cukup lantang di forum perdagangan, seperti GATT.

Menurut Perdana Menteri, jika Eropah dan Amerika tidak peduli akan perkembangan seperti ini, pasaran Asia Timur boleh membantu satu sama lain dalam semangat EAEG.

Katanya, dengan bertukar maklumat dan belajar antara satu sama lain, negara Asean mempunyai harapan mencapai pertumbuhan ekonomi cemerlang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Asean boleh berkembang dengan minat negara Indochina dan Myanmar berhasrat menyertainya.

Pemimpin Vietnam, katanya, sudah melawat negara Asean dan mereka melihat kemajuan yang dicapai oleh negara-negara ini, manakala Papua New Guinea dan Sri Lanka menyuarakan minat menyertainya.

"Jelaslah Asean boleh ditambah anggota tetapi apakah manfaat jika kita meluaskan keanggotaan Asean?"

"Pengaruh ekonomi dan politik Asean yang lebih ramai anggota tidak akan kuat, kerana itulah kita perlukan rakan-rakan negara maju di Asia Timur dan caranya hanya menerusi EAEG," katanya.